

Perwakilan puji PM kerana tidak berselindung

PARA perwakilan dan pemerhati Persidangan Asia Mengenai Masalah Palestin mensifatkan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai 'tidak berselindung' dan wajar dijadikan garis panduan bagi Persidangan Antarabangsa Mengenai Palestin di Paris, lewat tahun ini.

Mereka berkata, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir telah memaparkan setiap pemerhatian yang harus diberi pertimbangan bersama un-

tuk mengatasi masalah Palestin.

Ucapan yang tegas itu juga menunjukkan bahawa perjuangan pembebasan Palestin bukanlah perjuangan rakyat Palestin sahaja tetapi juga masyarakat dunia keseluruhannya.

Mereka berpendapat Perdana Menteri tidak menggunakan 'kata-kata diplomatik' dalam membidas dan membicarakan keadaan sebenar yang berlaku.

Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Encik Habib Chatti, berkata cadangan Datuk Seri Dr Mahathir seharusnya menjadi 'tapak' kesedaran oleh para perwakilan kerana ia adalah satu saranan penting ke arah penyelesaian masalah Palestin.

Katanya, ucapan Perdana Menteri itu hendaklah dijadikan satu 'dokumen' penting kepada dunia.

Antara lain, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya setiap perundingan yang diadakan hendaklah disertai oleh Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO). Ini penting sekiranya pendekatan semasa berasaskan kepada Rancangan Fez atau lain-lain dayausaha hendak dijayakan.

Menteri Luar Indonesia, Profesor Mochtar Kusumatmadja berkata, ucapan itu adalah terus terang dan berani.

Ini berasaskan teguran yang terbuka dan memaparkan keadaan sebenar yang memerlukan satu tindakan tegas.

Menurutnya, saranan Datuk Seri Dr Mahathir seharusnya dijadikan asas penting dalam perbincangan yang akan dijalankan untuk mencari penyelesaian kepada masalah Palestin.

Menteri Luar Singapura, Encik S. Dhanabalan yang mensifatkan ucapan itu sebagai terang, padat dan berani, berkata satu ketetapan yang tegas haruslah dapat dihasilkan berasaskan kepada ucapan itu.

Katanya, sekalipun Singapura tidak mempunyai sebarang cadangan yang tegas, beliau yakin asas yang diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir akan menjadi asas tajuk perbincangan nanti.

Ketua perwakilan Oman, Encik Nasir Saif Albuali berkata ucapan Datuk Seri Dr Mahathir adalah satu kenyataan dan fakta yang seharusnya diberi perhatian wajar.

Beliau berharap inti ucapan itu akan dapat dilaksanakan sepenuhnya demi mencari penyelesaian mutlak berhubung masalah Palestin.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim berkata, Datuk Seri Dr Mahathir telah memaparkan segala kenyataan yang berlaku dengan hakikat sebenar tanpa berselindung.

Katanya, ucapan Perdana Menteri itu mempunyai kesan yang nyata dan memberi tamparan hebat kepada kuasa-kuasa besar.

Yang Dipertua Agung Pas, Haji Yusof Rawa berkata, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir yang bernas itu menunjukkan sokongan yang kuat oleh masyarakat dunia mengenai masalah Palestin.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia